

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

KPDN DAN Touch 'n Go RINTIS KERJASAMA TAMBAH BAIK PERKHIDMATAN SEDIA ADA

PUTRAJAYA, 25 Januari 2023 – Pada hari ini telah berlangsung sesi libat urus antara **Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)** bersama para pegawai dari **Kementerian Kerja Raya, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Suruhanjaya Persaingan Malaysia**, dan wakil **Syarikat Touch 'n Go (TNG)**. Mesyuarat Pasukan Tugas Khas ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Azman Bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha KPDN. Pelbagai isu berhubung perkhidmatan yang ditawarkan khususnya terhadap pengguna-pengguna lebuhraya telah dibincangkan.

2. Antara permasalahan yang telah diutarakan pada mesyuarat kali ini termasuklah :-

- i. Kesukaran untuk memperolehi kad TNG dan peranti Smart Tag di pasaran;
- ii. Tempoh tamat Kad TNG yang tidak disedari oleh pengguna terutamanya untuk mereka yang menggunakan MyKad;
- iii. Kesukaran mendapatkan bayaran balik baki wang dalam kad TNG.
- iv. Proses pemindahan baki ke Kad TNG yang baru mengambil masa yang lama;

- v. Isu berkaitan penggunaan Kad Visa TNG terutama bagi pembayaran tol;
- vi. Penjualan kad TNG di platform atas talian oleh pihak ketiga pada harga yang berlipat kali ganda;
- vii. Masalah laluan di lorong RFID yang tidak lancar;
- viii. Kesukaran isi ulang baki TNG.

3. Pihak Touch 'n Go telah diarahkan untuk melaksanakan tindakan segera seperti berikut:

- i. Menambah bilangan pusat jualan kad dan perkhidmatan kad TNG di lokasi selain pusat sedia ada di KL Sentral dan Bangsar;
- ii. Advokasi dan notifikasi awal kepada pengguna bagi pemakluman tempoh kad yang akan luput;
- iii. Menambahbaik kaedah dan mempercepatkan proses serta tempoh bayaran balik dan pemindahan baki;
- iv. Advokasi bagi menjelaskan kepada pengguna bahawa kad visa TNG hanya untuk tujuan pembelian barangan dan perkhidmatan serta pengeluaran wang dimana kad visa diterima. Kad ini tidak boleh digunakan bagi tujuan pembayaran tol dan pengangkutan awam. Kerajaan menyarankan supaya nama kad visa tersebut diubah supaya tidak mengelirukan pengguna memandangkan perkataan "Touch 'n Go" sinonim dengan system pembayaran tol;
- v. Arahan telah dikeluarkan kepada penyedia perkhidmatan pasar atas talian untuk menurun iklan jualan kad TNG daripada pihak ketiga yang tiada kebenaran menjual daripada pihak syarikat TNG;

vi. Pihak TNG juga diberi masa satu minggu untuk hasilkan pelan tindakan susulan seterusnya.

4. Bahagian Penguatkuasaan KPDN akan mengambil Tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang menjual kad TNG melebihi harga yang ditetapkan oleh pengeluar di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

5. Kementerian Kerja Raya (KKR) sedang meneliti tempoh pelaksanaan bagi penggunaan pembayaran tol menggunakan sistem RFID sepenuhnya di semua plaza tol dan syarikat konsesi perlu segera menambahbaik keupayaan teknologi imbasan RFID bagi mengelakkan kesesakan.

YB DATUK SERI SALAHUDDIN AYUB

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup

25 Januari 2023

###

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang kini dikenali sebagai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pendedaran.

Sektor perdagangan pendedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pendedaran perlu kukuh bagi menampar sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusanniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:

